

Ratu Elizabeth II turut utus takziah

UM 22 NOV 2001

KUALA LUMPUR 21 Nov. — Ratu Elizabeth II dari Britain adalah antara ketua kerajaan luar negara yang mengutuskan kawat takziah atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini.

Baginda mengutuskan ucapan takziah itu kepada Tuan-ku Siti Aishah, kerabat diraja Selangor, rakyat Selangor dan seluruh rakyat Malaysia.

Dalam kawat takziah yang dikeluarkan menerusi Suruhanjaya Tinggi British di sini, Ratu Elizabeth melahirkan rasa sedih dengan kemangkatan Sultan Salahuddin itu.

Presiden Singapura, S.R Nathan turut merakamkan ucapan takziah kepada Tuan-ku Siti Aishah atas kemangkatan Sultan Salahuddin.

“Bagi pihak kerajaan dan

rakyat Singapura, Presiden S.R Nathan-melahirkan rasa simpati dan takziah kepada Tuanku Siti Aishah,” kata Kementerian Luar Singapura dalam kenyataan hari ini.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong turut mengutuskan ucapan yang sama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.